

**Kondisi Ekonomi, Politik dan Sosial Rakyat Sasak  
di Bawah Kekuasaan Kerajaan Bali**  
*(Economic, Political and Social Condition of Sasak Peoples  
Under the Authority of the Balinese Kingdom)*

Hasan Asy'ari Najmuddin<sup>1</sup>, Mohd Arif Bin Nazri<sup>2</sup>

Pusat Kelestarian Turath Islami, Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
46000 Bangi Campus, Selangor, Malaysia  
e-mel: asyari995@gmail.com<sup>1</sup>, mohdarif@ukm.edu.my<sup>2</sup>

---

**Abstrak** - Kerajaan Karangasem adalah salah satu kerajaan Hindu yang berdiri pada abad ke-17 di bahagian timur Pulau Bali. Pada masa kejayaannya, Kerajaan Karangasem bahkan memiliki wilayah kekuasaan hingga Pulau Lombok. Kemudian dengan kekuasaan itu Kerajaan Karangasem menguasai dan mempengaruhi masyarakat Suku Sasak atau masyarakat Lombok dalam segi, ekonomi, politik dan sosial mahupun budayanya. Oleh kerana itu, tujuan kajian ini untuk menganalisis kondisi ekonomi, politik dan sosial rakyat sasak di bawah kekuasaan Kerajaan Karangasem Bali. Kajian ini berbentuk penyelidikan kualitatif dengan mengaplikasikan metode analisis artikel, jurnal, buku, laporan dan lain-lainnya yang berkaitan dengan kajian ini. Kajian ini mengkhususkan kepada isu-isu ekonomi, politik dan sosial rakyat Sasak pada masa itu. Hasil kajian ini mendapati bahawa kondisi ekonomi rakyat Sasak adalah penghasil beras yang banyak dieksport hingga ke Cina, kemudian munculnya perdagangan baharu (beras) di Lombok tahun 1830-an membawa Nusa Tenggara semakin dikenal dalam perdagangan dunia. Eksport beras dari Lombok sekitar 12.000 tan pertahun dan penguasaan tanah seluas 50.000 hektar tanah. Seterusnya kondisi politiknya, dalam hal ini, raja dan para pembesar hingga dengan petugas di tingkat kampung mendapatkan keuntungan kerana kedudukan mereka dalam struktur kekuasaan atau politik. Mereka mendapatkan ganjaran daripada raja sesuai dengan tingkat kedudukan mereka pada struktur kekuasaan, mulai daripada tanah, atau sejumlah padi, dan sebagainya. Selepas berkuasanya raja Bali, penduduk diketuai oleh ketuanya masing-masing di bawah pengawasan mahkamahorang Bali. Kerana semakin berkembangnya kekuasaan Bali di Lombok, membuat semakin luas pula struktur politiknya. Pada pertengahan abad-19, adanya struktur kekuasaan yang semakin banyak menempatkan bangsawan Bali di dalamnya. Manakala konsisi sosialnya, laporan tahun 1838 masyarakat Lombok berjumlah sekitar empat ratus ribu orang Sasak, laporan daripada tahun 1884 menyebutkan, penduduk Lombok bertambah menjadi enam ratus ribu orang Sasak, dari segi kebudayaan, terdapat juga tanda pengaruh dari Majapahit abad ke-14 seperti juga Bali.

**Kata Kunci:** Kondisi Ekonomi, Politik dan sosial rakyat Sasak

**Abstract** – Karangasem Kingdom is a Hindu kingdom that was established in the 17th century in the eastern part of Bali. In its heyday, the Kingdom of Karangasem even had territory to the island of Lombok. Then with that power the Kingdom of Karangasem dominates and influences the Sasak tribe or the people of Lombok in terms of economic,

*political and social as well as culture. Therefore, the purpose of this study is to analyze the economic, political and social conditions of the Sasak people under the authority of the Karangasem Kingdom of Bali. This study takes the form of a qualitative inquiry by applying the method of analysis of articles, journals, books, reports and others related to this study. This study specializes in economic, political and social issues of the Sasak people at that time. The results of this study found that the economic condition of the Sasak people was a producer of rice which was widely exported to China, then the emergence of the baharu (rice) trade in Lombok in the 1830s brought Nusa Tenggara to be increasingly recognized in world trade. Rice exports from Lombok are around 12,000 tons per year and control of 50,000 hectares of land. Furthermore, the political conditions, in this case, the king and the authorities until the officers at the village level benefit because of their position in the structure of power or politics. They are rewarded by the king according to their level of power structure, starting from the land, or some rice, and so on. After the reign of the Balinese king, the population was headed by their respective leaders under the supervision of a Balinese court. Because of the growing power of Bali in Lombok, it also made the political structure more broad. In the mid-19th century, a power structure that increasingly placed Balinese aristocrats in it. When the social concession, the 1838 report of Lombok people numbered about four hundred thousand Sasak people, the report from 1884 said, the population of Lombok increased to six hundred thousand Sasak people, in terms of culture, there were also signs of influence from the 14th century Majapahit like Bali.*

**Keywords:** *Economic, political and social conditions of the Sasak people.*

## I. Pendahuluan

Pulau Lombok adalah nama sebuah pulau yang kini merupakan bahagian dari wilayah Nusa Tenggara Barat. Pulau Lombok adalah salah satu pulau kecil di kepulauan Nusantara, penduduk Nusa Tenggara Barat yang berjumlah lebih dari tiga juta, dua pertiga duduk di pulau Lombok. Ini berlaku kerana pulau Lombok lebih besar dari Pulau Sumbawa. Penduduk Pulau Lombok adalah suku Sasak. Mereka beragama Islam. Lombok dan Sasak adalah dua nama yang tidak boleh dipisahkan. Nama Lombok untuk pulau ini, nama Sasak bagi suku bangsanya. Lombok berasal dari bahasa Sasak lombo, yang bermaksud lurus. Sasak sebenarnya berasal daripada perkataan sak-sak, yang bermaksud perahu bercadik atau satu-satu (Sara Wijayanti: 2016).

Prasejarah Lombok tidak jelas kerana hingga sekarang tidak ada data dari para ahli sejarah dan bukti yang dapat mendukung masa prasejarah tanah Lombok ini. Sasak termasuk bangsa jenis Melayu yang dikatakan telah duduk di Lombok selama dua ribu tahun yang lepas dan telah menduduki daerah pantai sejak empat ribu tahun yang lepas. Dengan demikian perdagangan antar pulau sudah aktif sejak zaman tersebut, bersamaan dengan mempengaruhi masyarakat Lombok dengan budaya luar (Djoened Marwati Poesponegoro dan Nugroho Notosusanto, ed2008).

Sejarah Lombok tidak dapat dipisahkan daripada perubahan penguasaan dan peperangan yang terjadi dalam masalah di dalam kerajaan, iaitu perang antara kerajaan di Lombok dan masalah luar kerajaan iaitu kerajaan di luar pulau Lombok. Perkembangan Hindu, Buddhisme, membawa beberapa kerajaan seperti Hindu Selaparang, dan Bayan. Kerajaan-kerajaan ini berada di dalam kekuasaan kerajaan Majapahit selama ekspedisi Gajah Mada pada abad XIII-XIV dan kerajaan Gel-Gel atau Karang Asem di Bali pada abad keenam (Hadiwijono dan Harun 1982).

## II. Kajian

Kerajaan Karangasem adalah salah satu kerajaan Hindu yang didirikan pada abad ke-17 di bahagian timur Bali. Pada zaman kegemilangannya, Kerajaan Karangasem bahkan mempunyai wilayah hingga ke Pulau Lombok. Berdirinya kerajaan Karangasem Bali di Lombok, Permintaan bantuan daripada Arya Banjar Getas untuk memudahkan Karangasem untuk menguasai pulau Lombok. Sebenarnya, daripada awal sekali, Bali ingin menduduki bahagian barat pulau Lombok dengan menghantar rakyatnya secara bertahap.

Pada masa Karangasem berkuasa penuh atas Lombok, sekumpulan orang-orang Bali datang ke Lombok yang diketuai oleh tiga orang iaitu I Gusti Ketut Karangasem adik daripada raja Karangasem sebagai pimpinan kumpulan pertama Gde Ketut Subali sebagai ketua agama dan Mas Poleng sebagai pentadbir perkara-perkara pembangunan dan pertanian. Berdirinya kerajaan Singasari (Karangasem Sasak) kerana orang-orang Bali sudah semakin banyak di Lombok. Oleh itu, orang Bali di daerah kekuasaannya mendirikan beberapa kampung yang merupakan kerajaan kecil seperti kerajaan Singasari (Karangasem Sasak) dengan raja

Anak Agung Ngurah Made Karang (1720), kerajaan Mataram, dengan raja bernama Keluarga Raja dan Para Bangsawan Anak Agung Bagus Jelantik, Kerajaan Pagesangan, dengan raja bernama Anak Agung Nyoman Karang, kerajaan Pagutan, dengan raja bernama Anak Agung Wayan Sidemen dan kerajaan Sengkongo dengan raja bernama Anak Agung Ketut Rai (Lalu Djelenga 2002).

Berkembangnya Kerajaan Karangasem Bali menunjuk dan melantik tganjarannya di Lombok iaitu kerajaan Singasari (Karangasem Sasak). Hubungan antara kerajaan berasaskan keluarga untuk mencapai kemakmuran dan kepentingan bersama. Untuk memperkuat persatuan ini raja Singasari mendirikan Pura Meru di Singasari pada tahun 1774. Kerajaan Singasari bertindak sebagai pengerusi di dalam sebuah pemerintahan persekutuan (Suyono dan Capt. R. P 2003)

Pemerintah kerajaan Singasari (1740-1838) berturut-turut diperintah oleh tiga raja dengan gelar yang sama yaitu I Gusti Made Karangasem (I, II dan III). Pada masa inilah terjadi gelombang perpindahan orang Bali ke Lombok secara besar-besaran. Dalam menjalankan pemerintahannya, untuk hal ehwal ke bahagian bawah diserahkan kepada mahkamah. Sedangkan untuk menarik pajak kepada rakyat Sasak diserahkan kepada pegawai berasal dari suku Sasak. Sekongo' sebagai bandar pelabuhan banyak dilawati pedagang irak. Hal ini dianggapnya sebagai penghalang untuk menambah wang perbendaharaan dan kekuasaannya, Singasari menakluki Sekongo' pada tahun 1803. Singasari menganggap dirinya lebih kuat sehingga kerajaan-kerajaan lain tidak dibenarkan berjaya olehnya. Raja Singasari mempunyai empat anak, anak sulung bernama Dewa Cokorda, kemudian Agung Bagus Oka, Agung Bagus Karangasem dan anak bungsu bernama Agung Ayu Putri yang telah menikah dengan putra Raja Mataram. Sebagai ganti Raja Singasari, Dewa Cokorda yang didampingi oleh patihnya atau tganjarannya iaitu Gusti Gde Dangin Gusti Gde Dangin (Donald Tick: 1996). Kemudian dengan berkembangnya kerajaan Karangasem Bali di Pulau Lombok membuat kerajaan Karangasem Bali menguasai ekonomi, sosial dan politik masyarakat Suku Sasak berikut ini akan menjelaskan tentang perkara tersebut.

### III. Kondisi Ekonomi

Secara umum, kepulauan yang berada di Nusa Tenggara dikenal sebagai wilayah kering. Namun jika diperhatikan dari aspek ekonomi (khususnya perdagangan), nampak tidak sepi dari bahan-bahan yang diperoleh dari Nusa Tenggara. Pulau Timor terutama menghasilkan kayu cendana yang banyak dicari oleh pedagang Cina, pulau Sumbawa menghasilkan kayu sapan (yang diperlukan dipasar Eropa) dan banyak ternak kuda, manakala Lombok penghasil beras yang banyak diekspor hingga ke Cina. Munculnya perdagangan baharu (beras) di Lombok tahun 1830-an membawa Nusa Tenggara semakin dikenal dalam perdagangan dunia (I Gde Parimartha 2002).

Lombok, sebagai bahagian daripada wilayah Nusa Tenggara Barat, merupakan daerah bahagian barat kepulauan dengan keadaan tanah yang lebih basah. Penduduk di daerah ini sedikit lebih mengerti mengerjakan tanah dengan menggunakan bajak atau garu (gawu) untuk menggemburkan dan meratakan pertanian. Maka menjadi wajar ketika daerah ini dinyatakan sebagai pengekspor beras yang cukup besar (J. W. Boers, 1820) menganggarkan ekspor beras dari Lombok sekitar 12.000 tan pertahun, lebih besar daripada jumlah ekspor awal abad ini sekitar 2,000 tan (C. Lekker kerker, 1926)

Dalam pandangan J. van Eerde (1904), datangnya orang Bali di abad ke-18 membawa pengaruh pada sistem pengolahan tanah sawah bagi penduduk di Lombok, pengaturan tanah untuk saluran air (irigasi) dilakukan di bawah kekuasaan Bali, sementara masyarakat Sasak tetap menguasai bahagian tanahnya sendiri (I Gde Parimartha, 2002). Dengan semakin dikuasainya wilayah Lombok, secara langsung penguasaan ekonomi oleh Karangasem Bali juga menjadi kuat. Para pembantu raja di tingkat pusat daripada raja akan menerimajajaranberupa tanah yang disebut pecatu, padi, serta tunjangan-tunjangan tidak tetap yang biasanya terjadi pada masa penjualan hasil milik raja.

Pejabat tingkat kampung akan mendapat pecatu rata-rata 1 (satu) tenah perorang, dan seorang Pekasih (yang mengurus masalah saluran air) mendapatkan pecatu lebih dari satu tanah. Tanah sawah yang menjadi milik raja, pada masa kerajaan itu berjumlah sekitar: 50.000 bau tanah sawah irigasi dan 25.0 00 bau tanah sawah hujan (1 bau sama dengan 7,096.50 meter persegi). Daripada pengukuran yang dilakukan tahun 1899 tanah di Lombok Barat sahaja, yang merupakan pusat politik kerajaan Bali, tanah sawah berjumlah 23.406 tenah (1 tenah sama dengan 7. 200 meter persegi). Dan jumlah itu terbahagi ke dalam: 8. 072 tenah (kurang lebih 34.5 %) menjadi milik individu orang Bali, 828.5 tenah (kurang lebih 4 % ) milik raja, dan 14, 505 tenah (kurang lebih 61.5 %) adalah milik bukan orang Bali. Tetapi Van der Kraan (1980) memberikan keterangan berbeza dengan menulis, pada masa itu tanah sawah di Lombok Barat berjumlah 16. 852 hektar. Daripada jumlah sebanyak 5.812 hektar (34,5 % ) adalah milik daripada bangsawan Bali, manakala selebihnya tanah milik raja. Meskipun demikian, dapat difahami bahawa dengan perbandingan penduduk Sasak dengan Bali yang jauh berbeza (orang Bali hanya 8 % tahun 1880-an), maka kekayaan raja dan para pembantunya adalah cukup besar (I Gde Parimartha, 2002)

Dalam mengkawal proses perdagangan, kerajaan dibantu oleh seorang yang disebut Subandar dan berasal daripada pedagang luar menjadi ketua di pelabuhan, membuat hubungan ke luar, membawa perubahan baik dalam perdagangan mahupun politik. Secara umum, para pedagang luar disebut sebagai Wong Dagang Sunantara (I Gde Parimartha, 2002). Mereka juga memiliki hak istimewa untuk membeli beras, atau barang lain daripada penduduk. Setiap penjualan beras dipelabuhan mesti dengan seizin raja, adanya pembayaran cukai atau pajak perdagangan yang mesti diserahkan kepada raja. Maka, subandar inilah sebagai tangan kanan raja untuk mengurus perkara itu.

Kerajaan mengambil pedagang luar sebagai pembantu (subandar), mungkin sahaja kerana beranggapan lebih mengetahui masalah perdagangan dan mereka juga lebih memahami bahasa dengan pedagang luar yang dapat memperlancar urusan perdagangan melalui pelabuhan. Raja, mempunyai kontrol yang kuat terhadap laluan perdagangan. Maknanya, hubungannya ini jelas menunjukkan keterkaitan antara kekuasaan dan pengusaha sangat mempengaruhi sehingga kebijakannya pun akan sangat dipengaruhi oleh faktor tersebut. Ekonomi dan politik adalah dua faktor penentu baik buruknya kebijakan dalam sebuah pemerintahan.

#### IV. Kondisi Politik.

Pada konteks sistem politik, penguasa tertinggi bergelaran raja atau sultan sesuai dengan daerah politik masing-masing. Di samping itu terdapat pula pejabat-pejabat tinggi kerajaan yang berfungsi sebagai pembantu atau tangan kanan daripada kekuasaan pusat, selain itu juga semacam menteri kerajaan untuk mempertimbangkan pelbagai kepentingan politik kerajaan. Di Lombok, sebelum masuknya pengaruh Bali, nampak telah ada bentuk kekuasaan yang disebut Kedatuan. Rajanya bergelaran Datu. Tetapi dengan adanya kekuasaan kerajaan Karangasem, terjadi percampuran pada sistem politik atau kekuasaannya. Dengan penguasa keturunan Bali, maka rajanya mulai menggunakan gelaran/titel Gusti. Di bawah raja terdapat Ketua Kampung yang selepas masuknya kekuasaan Bali bergelaran Pembekel. Kampung di sini merupakan organisasi yang bersifat hukum. Oleh kerananya, kampung juga memiliki kekayaan yang mencakup wilayah dan tanah pertanian. Wilayah kepemimpinan politik yang berada di bawahnya (cabang kampung) disebut Dasan yang diketuai oleh seorang Kliang atau Kadus dan di samping itu terdapat juga seorang Penghulu, Kiyai yang mengurus bidang keagamaan (Erni Budiawanti 2000).

Syarat sebagai seorang ketua kampung adalah pilihan daripada masyarakat kampung bersangkutan, meskipun terkadang sering berdasarkan keturunan namun pilihan rakyat adalah penting, selain juga berdasarkan pada ukuran umur. Hanya kemudian dengan ikut campurnya kekuasaan yang lebih tinggi (raja/sultan), maka kepemimpinan kampung ini juga mesti mendapat persetujuan raja. Dalam kaitan ini, maka tingkat organisasi di kampung telah berhubungan dengan kekuasaan pada tingkat yang lebih tinggi, selepas masuknya kekuasaan raja-raja Bali di Lombok. Kerana hubungan politik seperti ini akan berkesan baik buruknya hubungan serta kawalan pemerintah pusat atas wilayah-wilayah kekuasaannya di tingkat yang lebih rendah.

Selepas berkuasanya raja Bali, penduduk diketuai oleh ketuanya masing-masing di bawah pengawasan mahkamah orang Bali. Kerana semakin berkembangnya kekuasaan Bali di Lombok, membuat semakin luas pula struktur politiknya. Pada pertengahan abad-19, adanya struktur kekuasaan yang semakin banyak menempatkan bangsawan Bali di dalamnya. Kini adanya pembantu-pembantu raja yang disebut Mahkamah yang ditugaskan untuk mengurus daerah tertentu di bawah bandar pusat dan pembekel menjadi bawahan daripada mahkamah.

Sementara itu di pusat kekuasaan (istana) terdapat menteri yang dikenali dengan Bahudanda (oleh orang Lombok disebut: Pedande), yang memiliki fungsi sebagai pemberi nasihat kepada raja dalam menjalankan kekuasaannya (I Gde Parimartha, 2002). Dalam hubungan perdagangan raja disertai oleh petugas (umumnya pedagang luar) disebut subandar, seperti telah diungkapkan sebelumnya. Dapat disebut, raja dan para pembantu keturunan Bali di Lombok tidak hanya menguasai faktor-faktor ekonomi yang penting seperti tanah yang luas, melakukan kawalan atas perdagangan di pelabuhan, pemungutan pajak, tetapi juga melakukan kawalan dan memiliki hak-hak istimewa atas penggunaan tenaga penduduk. Kemudian pejabat-pejabat keturunan Bali memiliki tanah yang luas dan kawalan politik yang luas pula. Oleh itu, apapun boleh dilakukan atas nama pemerintah pusat yang berkuasa.

Pada masa ini dikenali apa yang disebut sebagai tanah druwe dalem dan tanah Druwe jaba, bermaksud tanah-tanah yang di milik raja dan milik luar kerajaan. Terhadap tanah-tanah milik pihak luar, raja memungut pajak baik tanah sawah, mahupun tanah kering. Dalam hubungan ini, raja dan para pembesar hingga dengan petugas di tingkat kampung mendapatkan keuntungan-keuntungan kerana kedudukan mereka dalam struktur kekuasaan. Mereka akan mendapatkan ganjaran daripada raja sesuai dengan tingkat kedudukan mereka pada struktur kekuasaan, mulai daripada tanah, atau sejumlah padi, dan sebagainya seperti yang dijelaskan sebelumnya. Selain itu, untuk mempertahankan kekuasaan dan membuat kekuatan di tingkat kampung, maka pembinaan angkatan bersenjata terus dilakukan, ada sebagai pemegang senampang (juru

menembak), pemegang tombak (juru tombak), juga para ketua kampung mendapat ganjaran (semacam tanah) yang disebut Pecatu (I Gde Parimartha 2002).

Ternyata dengan cara ini, kekuasaan raja telah mampu menembus hingga ketinggian kampung dan meningkatkan hubungan dengan kekuatan di kampung yang menegakkan kekuasaan raja hingga bertahan lama. Meskipun demikian, masih ada kekuatan-kekuatan yang nampak merdeka seperti Praya, Batukliang dan sebagainya sebagai wilayah kekuasaan Arya Banjar Getas. Namun untuk sementara mereka tidak dapat berbuat banyak menghadapi kekuatan Karangasem Bali yang berada di Lombok Setelah Mataram sah sebagai pemegang kekuasaan utama di Lombok, semakin banyak hal juga berubah mengikuti bentuk kebijakan politik yang berlaku pada masa itu. Wilayah-wilayah yang sebelumnya berada di bawah kekuasaan Singasari, diambil oleh Mataram. Berbeza dengan Singasari, pada masa awal kekuasaan Mataram menerapkan pendekatan politik sentralistik.

Pada tahun 1839, Pagutan yang sebelumnya merupakan wilayah Singasari dan pembahagian daripada wilayah Kediri, Sekongo termasuk Pagutan sendiri, dikalahkan oleh Mataram yang masa itu di ketuai oleh I Gusti Ktut Karangasem IV dengan gelaran Anak Agung Ketut Karangasem sebagai raja pertama selepas runtuhnya Singasari. Seterusnya, Kuripan, yang sebelumnya merupakan wilayah separuh autonomi, dikalahkan kembali pada tahun 1840. Dan pada tahun 1841 Praya sebagai sasarannya. Dalam penyerangan terhadap Praya ini, orang Sasak dijadikan sebagai perisai (barisan terdepan) dan Raden Gde Wira chandra di ketuai pasukan Praya dan dibunuh oleh Sikep dari Sakra, Kopang, dan Rarang (Djelenga, Lain 2002).

Maka, sejak takluknya Praya itu seluruh wilayah Lombok berada di bawah kekuasaan Mataram. Sebab, selepas itu tidak ada yang dapat dikatakan sebagai wilayah pemerintahan pentadbiran-sistematik. Seperti yang terlihat sebelumnya ketika Praya masih wujud secara politik. Tetapi memang, tidak dapat dibandingkan dengan wilayah kekuasaan atau sistem politik yang berkembang sekarang dengan didasarkan pada teori-teori politik moden. Kekuasaan Mataram ini semakin diperkuat posisinya dengan adanya perjanjian antara Mataram dengan Belanda yang terjadi pada tarikh 7 Jun 1843, antara lain: (Djelenga, Lain 2002).

1. Mataram mengakui kedaulatan Belanda atas Lombok. Menurut sumber lain, bahawa raja Mataram Lombok mengakui kedaulatan Belanda atas Hindia Belanda; kerana itu, raja tidak akan menyerahkan atau mengakui kedaulatan bangsa kulit putih lain, selain Belanda (Agung, Anak Agung Ktut 1992).
2. Mataram tidak lagi melakukan hak adat Tawan Karang jika ada perahu atau kapal dapat kecelakaan dilaut (I Gde Parimartha 2002).
3. Mataram akan melindungi kepentingan perdagangan Belanda
4. Mataram akan membuat laporan secara berkala
5. Tidak akan melakukan hubungan atau melakukan perjanjian dengan bangsa kulit putih lainnya.
6. Sebagai ganjaran, Mataram diberi hak otonomi penuh oleh Belanda dalam melaksanakan pemerintahan di Lombok atau tidak akan turut campur urusan pemerintahan.

Surat perjanjian atau kesepakatan ini merupakan hal yang sangat penting dan menentukan bagi Mataram, kerananya orang-orang yang langsung ikut serta adalah orang-orang penting kerajaan. Dari pihak Mataram, perjanjian ini ditandatangani oleh Ratu I Gusti Anglurah Ktut Karangasem (raja), Ratu I Gusti Anom, Gusti Gde Rai, Gusti Nengah Peguyangan dan Gusti Nyoman Tangkeban. Manakala pihak Belanda ditandatangani oleh H.I. Huskus Koopman, omisaris Hindia Belanda (Agung, Anak Agung Ktut 1992).

Belanda, sejak tahun 1619, V.O.C (Vereenigde Oost Indische Compagnie) menciptakan pasar baharu yang besar untuk. Perdagangan manusia, yang berasal daripada tahanan politik, mempermudah perpecahan politik Bali dengan menyediakan sumber ekonomi untuk perang dan memakan tawanan perangnya (M. C. Ricklefs 2005). Pada masa inilah hubungan dagang antara Bali dan Belanda semakin kuat. Namun, tetap sebagai asas ekonomi semua kerajaan Bali masih bertahan terutama pada sistem cucuk tanam di sawah, bertani.

Hubungan ekonomi ini kemudian berlanjutan hingga sekitar tahun 1620 dan untuk pertama kalinya Belanda membuka pejabat perdagangan di Bali. Akan tetapi hanya berumur satu tahun. Kemudahan mendirikan pejabat ini mungkin sahaja didukung oleh persentuhan awal antara Belanda dan Bali sejak 1597, di bawah pimpinan Cornelis Houhnan, yang cukup memberikan kesan baik untuk Bali atas Belanda (Djelenga, Lain 2002).

Pada tahun 1826, kembali utusan Belanda dikirim ke Bali untuk menghampiri raja-raja dengan maksud melakukan kontrak perdagangan, khususnya untuk mendapatkan budak atau tenaga kerja (I Gde Parimartha 2002). Di Lombok, pada masa kekuasaan Bali terdapat juga apa yang disebut hamba (atau oleh orang Lombok disebut panjak), kumpulan yang dapat diperjual belikan dan ini yang lebih merupakan budak, sebab ia tidak mempunyai kebebasan di depan tuannya. Dan mereka itulah yang dijadikan sebagai barang dagangan. Pada periode sekitar 1840, ada dua faktor meyakinkan pihak Belanda bahawa Bali mesti ditempatkan di bawah pengaruhnya, dan dengan demikian wilayah-wilayah yang berada di bawah kendali raja-raja Bali pun secara automatik menjadi kekuasaannya, Pertama, perompakan dan penyitaan yang dilakukan oleh orang Bali terhadap kapal-kapal yang terkandas dan kedua adanya kemungkinan kekuatan

Eropah lainnya akan ikut campur tangan terhadap Bali. Cita-citra Belanda untuk mengkondisikan kekuasaannya di Bali tidak hanya sebatas perkataan. Untuk mempercepat hasrat itu, seorang duta besar Belanda membujuk raja-raja Badung, Klungkung, Buleleng dan Karangasem (yang merupakan penguasa tunggal di Lombok) untuk tandatangan perjanjian-perjanjian yang mengakui kedaulatan pemerintahan kolonial Belanda pada tahun 1841 (M. C. Ricklefs 2005).

## V. Kondisi Sosial.

Orang Sasak, dikenali sebagai penduduk asli Lombok dan menganut agama Islam. Namun masih ada kumpulan kecil penduduk Sasak yang disebut sebagai orang Bodha, mereka ini tinggal lebih terpencil di kampung-kampung bahagian utara dan sebahagian di selatan. Penduduk Lombok bercampur dengan orang-orang yang datang dari luar pulau, atau terutama berhubungan dengan orang Bali sekurangnya sejak abad ke-17. Dari laporan tahun 1838, disebutkan bahawa di Lombok terdapat sekitar empat ratus ribu orang Sasak dan dua puluh ribu orang Bali. Sementara itu laporan tahun 1846 rnenyebutkan, penduduk Lombok berjumlah sekitar tiga ratus belapan puluh ribu orang Sasak, dua puluh ribu orang Bali, lima ribu orang Bugis, sepuluh hingga dua belas ribu orang Cina dan empat ribu orang Eropah (I Gde Parimartha 2002).

Berdasarkan pada laporan di atas, maka pada tahun 1840-an ini penduduk Lombok mengalami pengurangan. Tercatat antara tahun 1838-1839 terjadi banyak peperangan antara kerajaan di Lombok, kemungkinan besar peristiwa inilah yang rnenyebabkan berkurangnya populasi penduduk Lombok. Populasi itu mengalami peningkatan kembali setelah situasi yang tidak stabil itu dapat terdamaikan dan dapat dipertahankan hingga tahun 1880-an, kerana selepas tahun ini peperangan demi peperangan kembali terjadi antara orang Sasak dan Bali hingga tahun 1891-1894. Laporan daripada tahun 1884 menyebutkan, penduduk Lombok bertambah menjadi enam ratus ribu orang Sasak, lima puluh ribu orang Bali dan enam ribu lain-lain. Yang termasuk lain-lain adalah Bugis, Melayu, Arab, Mandar, Cina terutama mendiami sekitar pantai. Terdapat juga orang Jawa, Sumatera Timar di pusat bandar yang umumnya berfungsi sebagai pegawai pemerintah (I Gde Parimartha 2002).

Dari segi kebudayaan, terdapat juga tanda pengaruh dari Majapahit abad ke-14 seperti juga Bali. Adanya hubungan dengan Makasar sekitar abad ke-17, nampak membawa pengaruh agama Islam yang kuat di dalamnya, sebelumnya dibawa oleh penyebar Islam dari Jawa. Hubungan dengan Makasar serta Lombok dan Sumbawa menjadi dekat melalui ikatan politik dan perkahwinan. Dengan pengaruh tradisi yang kuat serta sikap terhadap masuknya pengaruh luar, penduduk Sasak memahami agama Islam terpecah ke dalam dua kelompok yang dikenal sebagai Islam Wetu Telu dan Islam Waktu Lima (Erni Budiawanti 2000). Mereka, kumpulan Wetu Telu, seperti juga Waktu Lima percaya terhadap kenabian Nabi Muhammad SAW sebagai nabi ummat Islam, tetapi mereka tetap melakukan pemujaan terhadap dewa-dewa dan patung-patung suci sejak nenek moyangnya serta terhadap roh-roh nenek moyang yang telah meninggal di tempat pemujaan mereka yang disebut Langgar atau kemaliq. Namun, tidak boleh dipastikan secara kuantitatif perbezaan jumlah masing kumpulan Islam tersebut, hanya secara jumlah Waktu Lima adalah majority (Erni Budiawanti 2000).

Mengenai struktur sosial masyarakat di daerah ini, (R. Krulfeld 1972) menyebutkan bahawa, penduduk suku Sasak dalam hal persahabatan meskipun dapat dilihat sebagai menganut sistem dua hala, tetapi cenderung lebih menekankan pada sifatnya yang patrilineal. Persoalan hak dan kewajiban terutama dibatasi oleh konsep-konsep persahabatan yang dikenali sebagai Wirang Kadang, yang terdiri dari unsur-unsur ayah, kakek, saudara lelaki ayah, anak lelaki saudara ayah dan anak-anak mereka. Warga yang termasuk ke dalam wirang kadang dilihat sebagai orang-orang yang bertanggungjawab atas pelbagai hal yang bersifat memberi sokongan, bantuan kepada keluarga, juga masalah penting seperti tenaga yang diperlukan untuk upacara adat (I Gde Parimartha 2002).

Begitu pula dengan masalah harta warisan, akan lebih ditekankan pada anggota daripada wirang kadang. Harta warisan yang utama disini adalah pustaka (harte pusake), iaitu pewarisan yang dipandang memiliki nilai yang tinggi seperti tanah, rumah, dan benda-benda yang dianggap keramat seperti, pakaian, keris, permata, dan sebahagainya. Daripada sistem politik di atas, struktur sosial masyarakat nampaknya berkembang dengan membentuk lapisan yang kemudian disebut sebagai golongan atas (bangsawan), penduduk biasa, (jajar karang). Untuk mereka yang merupakan keturunan raja (bangsawan) disebut perwangse, dan kawule untuk mereka yang berasal daripada keturunan penduduk biasa. Di tempat-tempat tertentu, hingga sekarang budaya tersebut masih berlaku.

## VI. Kesimpulan

Lombok penghasil beras yang banyak dieksport hingga ke Cina. Kedatangan perdagangan baharu (beras) di Lombok tahun 1830-an membawa Nusa Tenggara semakin dikenal dalam perdagangan dunia. Eksport beras dari Lombok sekitar 12.000 tan pertahun, datangnya orang Bali di abad ke-18 membawa pengaruh pada sistem

pengolahan tanah sawah bagi penduduk di Lombok, pengaturan tanah untuk saluran air (irigasi) dilakukan di bawah kekuasaan Bali, sementara masyarakat Sasak tetap menguasai bahagian tanahnya sendiri dengan semakin dikuasainya wilayah Lombok, secara langsung penguasaan ekonomi oleh Karangasem Bali juga menjadi kuat. Para pembantu raja di tingkat pusat daripada raja akan menerima ganjaran berupa tanah yang disebut pecatu, padi, serta tunjangan-tunjangan tidak tetap yang biasanya terjadi pada masa penjualan hasil milik raja.

Dalam kondisi politik, raja dan para pembesar hingga dengan petugas di tingkat kampung mendapatkan keuntungan-keuntungan kerana kedudukan mereka dalam struktur kekuasaan. Mereka akan mendapatkan ganjaran daripada raja sesuai dengan tingkat kedudukan mereka pada struktur kekuasaan, mulai daripada tanah, atau sejumlah padi, dan sebagainya. Selepas berkuasanya raja Bali, penduduk diketuai oleh ketuanya masing-masing di bawah pengawasan mahkamahorang Bali. Kerana semakin berkembangnya kekuasaan Bali di Lombok, membuat semakin luas pula struktur politiknya. Pada pertengahan abad-19, adanya struktur kekuasaan yang semakin banyak menempatkan bangsawan Bali di dalamnya.

Manakala kondisi sosial dari laporan tahun 1838, disebutkan bahawa di Lombok terdapat sekitar empat ratus ribu orang Sasak dan dua puluh ribu orang Bali. Sementara itu laporan tahun 1846 menyebutkan, penduduk Lombok berjumlah sekitar tiga ratus belapan puluh ribu orang Sasak, dua puluh ribu orang Bali, lima ribu orang Bugis, sepuluh hingga dua belas ribu orang Cina dan empat ribu orang Eropah. Berdasarkan pada laporan di atas, maka pada tahun 1840-an ini penduduk Lombok mengalami pengurangan. Tercatat antara tahun 1838-1839 terjadi banyak peperangan antara kerajaan di Lombok, kemungkinan besar peristiwa inilah yang menyebabkan berkurangnya populasi penduduk Lombok. Populasi itu mengalami peningkatan kembali setelah situasi yang tidak stabil itu dapat terdamaikan dan dapat dipertahankan hingga tahun 1880-an, kerana selepas tahun ini peperangan demi peperangan kembali terjadi antara orang Sasak dan Bali hingga tahun 1891-1894.

Laporan daripada tahun 1884 menyebutkan, penduduk Lombok bertambah menjadi enam ratus ribu orang Sasak, lima puluh ribu orang Bali dan enam ribu lain-lain. Yang termasuk lain-lain adalah Bugis, Melayu, Arab, Mandar, Cina terutama mendiami sekitar pantai. Terdapat juga orang Jawa, Sumatera Timar di pusat bandar yang umumnya berfungsi sebagai pegawai pemerintah. Dari segi kebudayaan, terdapat juga tanda pengaruh dari Majapahit abad ke-14 seperti juga Bali. Mengenai struktur sosial masyarakat di daerah ini, menyebutkan bahawa, penduduk suku Sasak dalam hal persahabatan meskipun dapat dilihat sebagai menganut sistem dua hala, tetapi cenderung lebih menekankan pada sifatnya yang patrilineal. Persoalan hak dan kewajiban terutama dibatasi oleh konsep-konsep persahabatan yang dikenali sebagai Wirang Kadang, yang terdiri dari unsur-unsur ayah, kakek, saudara lelaki ayah, anak lelaki saudara ayah dan anak-anak mereka.

## Rujukan

1. Agung, Anak Agung Kutut. 1992. *Kupu-Kupu Kuning yang Terbang di Selat Lombok: Lintasan Sejarah Kerajaan Karangasem (1660-1950)*, pada Sastra, Denpasar, Cet. 1.
2. Djoened Marwati Poesponegoro dan Nugroho Notokusanto, ed. 2008. *Sejarah Nasional Indonesia II*. Jakarta: Balai Pustaka.
3. Djelenga, Lain. 2000. *Keris di Lombok*, Yayasan Pusaka Selaparang, Mataram.
4. Erni Budiawanti. 2000. *Sasak Wetu Telu Versus Waktu Lima* (Yogyakarta: LkiS)
5. Hadiwijono, Harun. 1982. *Agama Hindu dan Buddha*. Jakarta: BPK Gunung Mulia,
6. I Gde Parimartha. 2002. *Perdagangan dan Politik di Nusa Tenggara 1815-1915*, Djambatan, Jakarta.
7. Lalu Djelenga. 2002. *Mentertawai Diri Sendiri: Orang Sasak Dalam Perjalanan Sejarah Lombok*, Jurnal KANJIAN, No: 01 Th. Februari-Maret.
8. Suyono, Capt. R. P. 2003. *Peperangan Kerajaan di Nusantara: Penelusuran Kepustakaan Sejarah*, PT. Grasindo: Jakarta.
9. M. C. Ricklefs. 2005. *Sejarah Indonesia Modern 1200-2004*, PT. Serambi, Jakarta.